

13/09/2003

Peneroka tidak boleh jual saham sesuka hati

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan terus mengekalkan kawalan terhadap Felda walaupun selepas ia disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memikirkan cara bagaimana untuk menghalang peneroka daripada menjual saham mereka sesuka hati apabila Felda diapungkan nanti.

Katanya, aset estet untuk diapungkan itu akan membabitkan ladang yang belum dijual kepada peneroka.

"Ada dua bahagian (estet Felda), satu yang dijual kepada peneroka dan ada yang tidak mempunyai peneroka yang dimaju dan dimiliki Felda sepenuhnya. Jadi yang inilah kita ingin bangun untuk dikomersialkan," katanya pada sidang akhbar di Lobi Parlimen selepas membentangkan Bajet 2004.

Beliau yang juga Menteri Kewangan bagaimanapun berkata, butiran lanjut seperti saiz sebenar tanah milik Felda tanpa peneroka itu belum diketahui tetapi ia mungkin sekitar 400,000 hektar.

Menjelas lanjut sama ada kerajaan berhasrat mewujudkan mekanisme tertentu untuk menghalang peneroka daripada terus menjual saham mereka bagi mengaut keuntungan segera, beliau berkata pihaknya masih memikirkan perkara itu.

"Kita tidak tahu bagaimana kerana sebaik saja anda menjual saham kepada seseorang, ia menjadi harta mereka. Kita tidak tahu sama ada kita (kerajaan) mempunyai hak untuk mengenakan syarat atau tidak tetapi kita akan menelitinya," katanya.

Cadangan untuk menyenaraikan Felda di BSKL adalah selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan membolehkan Bumiputera memiliki ekuiti sekurang-kurangnya 30 peratus dalam sektor korporat.

Dr Mahathir berkata, penyenaaran Felda akan dilakukan secepat mungkin tetapi ia masih tertakluk kepada pematuhan prosedur perundangan tertentu.

Mengenai jangkaan hasil diperoleh melalui tawaran awam permulaan (IPO) apabila Felda disenaraikan nanti, beliau berkata perkara itu belum dapat dipastikan lagi.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir menolak andaian bahawa Bajet 2004 yang terakhir dibentangkannya sebelum bersara bulan depan sebagai bajet penghargaan kepada rakyat kerana memberi sokongan kepadanya dan kerajaan Barisan Nasional (BN) selama ini.

"Ia bukan wang saya... saya tidak boleh menunjukkan penghargaan kepada orang ramai dengan membelanjakan wang kerajaan. Saya tidak buat benda macam itu," katanya.

Beliau juga menjelaskan, penurunan peruntukan untuk dibelanjakan pada Bajet 2004 berbanding Bajet 2003 adalah kerana tahun ini kerajaan mempunyai banyak belanjawan tambahan menyebabkan bajet meningkat agak banyak.

"Malahan pada 2004 ia mungkin perlu untuk mempunyai bajet tambahan tetapi sebaik mungkin, kita mahu mengelakkan membuat bajet tambahan kerana ia adalah cara belanjawan yang amat tidak cekap," katanya.

Dr Mahathir berkata, pengurangan belanjawan itu tidak akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi kerana yakin sektor swasta boleh menampungnya seperti melalui projek melebur aluminium selain kerajaan terus memberi keutamaan kepada sektor yang boleh menggerak ekonomi.

Mengenai bonus setengah bulan gaji bagi kakitangan awam, yang beliau turut umumkan dalam Bajet 2004, Dr Mahathir berkata ia akan dibayar secara berperingkat membabitkan peruntukan RM400 juta.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan sebenarnya tidak mengalami kerugian besar tetapi cuma sekitar kira-kira RM70 juta berikutan langkahnya

mengecualikan cukai jalan bagi motosikal berkuasa tidak melebihi 150cc.

Bagaimanapun katanya, kerajaan dijangka memperoleh tambahan pungutan cukai sebanyak kira-kira RM150 juta berikutan kenaikan alkohol dan tembakau termasuk rokok.

Selain itu, beliau berkata kerajaan mungkin dapat membentangkan bajet berimbang pada 2005 meskipun sasarannya pada 2006, berbanding Bajet 2004 yang juga defisit iaitu defisit kali ketujuh berturut-turut.